LAPORAN TAHUNAN PELAKSANAAN PROGRAM AKRAB 2025







UNIT PSIKOLOGI
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA



WAN ZAINUL AZAM BIN KHAMID @ ABDUL MAJID
Pengarah M14



NUR ADILLA BINTI KHAMIS
Timbalan Pengarah M12



SITI AZURAH BINTI ALIAS
Pegawai Psikologi S12



ARMILAWANI BINITI ABDULLAH
Timbalan Penolong Pengarah Imigresen KP5



IZMA NAZRIN SHAH BINTI IBRAHIM
Pegawai Imigresen KP1



NAZATUL SHAZMAHIRA NATASYA BINTI HASSAN
MYSTEP - Unit Psikologi

JAWATANKUASA RAKAN PEMBIMBING PERKHIDMATAN AWAM

PERKARA	NAMA/ BILANGAN
NAMA PENYELARAS	**PUAN SITI AZURAH BINTI ALIAS** (PEGAWAI PSIKOLOGI S12)
NAMA PENGERUSI	**TUAN FIRDAUS BIN NOOR HASIM** (JIM NEGERI SELANGOR)
JUMLAH AHLI JAWATANKUASA	**TIMBALAN PENGERUSI** : KOSONG **SETIAUSAHA** : **PUAN NOORSALWA BINTI NOORDIN** (JIM NEGERI KEDAH) **TIMBALAN SETIAUSAHA** : **PUAN WAHIDA BINTI IBRAHIM** (JIM NEGERI JOHOR) **BENDAHARI** : **PUAN ERNIE NORHUDA BINTI CHE MAMAT** (JIM NEGERI KELANTAN - TELAH MENINGGAL DUNIA) **BIRO KEUSAHAWANAN** : **PUAN WAN NOR ASHIKIN BINTI WAN OMAR** (JIM NEGERI PAHANG) **BIRO KEBAJIKAN** : **TUAN MOHD AZLAN BIN MUSA** (JIM NEGERI TERENGGANU) **BIRO PENDIDIKAN** : **PUAN ARMILAWANI BINTI ABDULLAH** (IBU PEJABAT PUTRAJAYA) **BIRO SERANTA** : **PUAN ROZITA BINTI AHMAD** (JIM NEGERI PERAK)
PEMERIKSA KIRA-KIRA	KETUA : **TUAN AZNEE BIN ABDUL** (IBU PEJABAT PUTRAJAYA) PENOLONG : **PUAN KHADIJAH BINTI HAJI HASHIM** (JIM NEGERI PULAU PINANG) - TELAH BERTUKAR KE JABATAN LAIN

BILANGAN KEAHLIAN AKRAB

BIL	PERINGKAT	LELAKI	PEREMPUAN
1.	JABATAN		
JUMLAH			

BILANGAN KEAHLIAN AKRAB CARE

BIL	PERINGKAT	LELAKI	PEREMPUAN
1.	JABATAN		
JUMLAH			

BIL/ PERKARA	KESIHATAN	KEWANGAN	DISIPLIN	LAIN-LAIN (MOTIVASI)	JUMLAH
LELAKI					
PEREMPUAN					
JUMLAH					

PROGRAM - PROGRAM AKRAB JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA SEPANJANG TAHUN 2025

PROGRAM PERTAMA :

SARAWAK, 12 FEBUARI-14 FEBRUARI 2025 - Program Refleksi Diri : Hargai Diri Anda (AKRAB) Jabatan Imigresen Malaysia Negeri Sarawak Bagi Tahun 2025 telah diadakan pada 12 hingga 14 Februari 2025 di Auditorium Persekutuan Tingkat 17 Bangunan Sultan Iskandar Jalan Simpang Tiga, Kuching. Program tersebut telah dihadiri oleh 49 orang pegawai dan kakitangan JIM Sarawak dari pelbagai gred/skim.

Program Refleksi Diri : Hargai Diri Anda (AKRAB) bertujuan menjadikan individu lebih menghargai diri sendiri agar mampu berkembang dan menjalani kehidupan dengan lebih memuaskan. Antara objektif utama program adalah untuk meningkatkan kesedaran kendiri serta mengenal pasti kekuatan dan potensi diri untuk pembangunan peribadi yang lebih baik. Program ini telah disampaikan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi AKRAB yang telah dilantik sebagai fasilitator.







PROGRAM KEDUA :

PORT DICKSON, 26 MEI 2025 - Julung kalinya Unit Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah menjalankan Program Kembara Psikologi : Kuasai Emosi, Kendali Cabaran Tahun 2025. Program ini disempurnakan oleh Pegawai Psikologi, Puan Siti Azurah binti Alias di Akademi Imigresen Malaysia, Port Dickson. Program ini telah disampaikan oleh Encik Azhar sebagai penceramah bebas dalam bidang psikologi Daripada Universiti Islam Antarabangsa (UIA). Program ini telah disertai seramai 100 orang pegawai JIM daripada pelbagai gred dan skim. Kursus ini bertujuan untuk meningkatkan kecekapan pegawai dalam mengenali, mengurus dan mengawal emosi ketika berhadapan dengan pelbagai emosi ketika berhadapan dengan pelbagai situasi operasi harian yang mencabar.








PROGRAM KETIGA :

PULAU PINANG, 2 JULAI - 4 JULAI 2025 - Unit Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah mengadakan program yang seterusnya di Hotel Hompton Pulau Pinang. Kursus Pemantapan AKRAB : Kemahiran Fasilitator yang melibatkan seramai 30 orang pegawai JIM daripada pelbagai gred. Puan Siti Azurah binti Alias sebagai Pegawai Psikologi Jabatan Imgresen Malaysia telah menyempurnakan Kursus Pemantapan AKRAB : Kemahiran Fasilitator ini.Kursus ini diadakan selama Tiga Hari dua malam dengan pengisian slot yang padat dan menarik. Kursus ini telah disampaikan oleh 4 orang fasilitator daripada Kementerian Pertahanan Malaysia. Objektif utama mengadakan kursus ini untuk memberi pendedahan berkaitan peranan dan tugas fasilitator dalam mengendalikan program.







PROGRAM KEEMPAT :

TERENGGANU, 30 JULAI HINGGA 1 OGOS 2025 – Program ketiga telah diadakan di Hotel Primula, Kuala Terengganu dan disertai oleh seramai 30 orang pegawai daripada pelbagai negeri dan gred. Program ini telah dirasmikan oleh Timbalan Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Puan Nur Adillah binti Khamis. Kursus ini dilaksanakan selama tiga hari dua malam dengan pengisian aktiviti yang mencapai objektif utama. Program ini telah disampaikan oleh Puan Azurah dan dibantu oleh Puan Armilawani, sepanjang kursus berlangsung. Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk memberikan kefahaman yang menyeluruh kepada para peserta mengenai kepentingan menjaga dan mengekalkan kesejahteraan mental, emosi dan fizikal, khususnya dalam mendepani tuntutan tugas dan tekanan kerja, di samping membantu peserta meningkatkan kesedaran kendiri, mengamalkan pengurusan tekanan yang berkesan.







PROGRAM KELIMA :

SABAH, 27 OGOS - 28 OGOS 2025 - Program ini telah diadakan di Hotel Klagen Regency, Sabah selama tiga hari dua malam dan disertai oleh seramai 30 orang pegawai daripada negeri Sabah. Program ini telah disampaikan oleh Pegawai Psikologi daripada Jabatan Penjara Pusat Koreksional Labuan dan dibantu oleh lapan orang pegawai AKRAB yang bertindak sebagai fasilitator sepanjang program berlangsung. Tujuan utama penganjuran program ini adalah untuk memberikan pendedahan yang menyeluruh kepada para pegawai mengenai peranan, tanggungjawab, dan kemahiran yang diperlukan dalam melaksanakan tugas secara berkesan, di samping meningkatkan pengetahuan, kefahaman, dan kecekapan mereka dalam menghadapi cabaran serta tuntutan tugas harian.







PROGRAM KEENAM :

SABAH, 27 OGOS - 28 OGOS 2025 - Mesyuarat Ahli Jawatankuasa AKRAB Jabatan Imigresen Malaysia telah diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Bohey Dulang, Pejabat Setiausaha Persekutuan Sabah, bagi membincangkan perancangan serta penyelarasan pelaksanaan aktiviti AKRAB sepanjang tahun 2025. Mesyuarat tersebut telah di pengerusikan oleh Pegawai Psikologi Unit Psikologi Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Puan Siti Azurah binti Alias dan dihadiri oleh ahli-ahli Jawatankuasa AKRAB Tertinggi. Mesyuarat dimulakan dengan pembentangan laporan aktiviti AKRAB bagi tahun 2024.



PROGRAM KETUJUH :

KELANTAN, 28 SEPTEMBER 2025 - Satu lawatan telah diadakan ke atas pegawai yang dikenakan exit policy akibat ketidak upayaan dalam menjalankan tugas bersama AKRAB JIM Negeri Kelantan telah diadakan pada 28 September 2025 (Ahad) bertempat di kediaman beliau di Rantau Panjang, Kelantan. Objektif program ini adalah untuk memberi kata-kata perangsang dan semangat agar beliau lebih positif dalam menghadapi hari-hari mendatang setelah ditamatkan perkhidmatannya. Program ini melibatkan wakil AKRAB JIM Negeri Kelantan iaitu Puan Marlini Binti Zulkifli.





PROGRAM KELAPAN :

PUTRAJAYA, 28 OKTOBER 2025 - Program Hari Psikologi Jabatan Imigresen Malaysia Tahun 2025 anjuran Unit Psikologi Bahagian Pengrusan Sumber Manusia telah disempurkan Timbalan Ketua Pengarah Pengurusan, Dr Rosbi binti Abd Rahman. Seramai 165 orang pegawai Jabatan Imigresen Malaysia telah terlibat sebagai peserta. Wakil dari setiap bahagian dan negeri daripada pelbagai skim dan gred yang hadir. Objetif program ini diadakan bagi tujuan meningkatkan kesedaran psikologi dalam kalangan warga Jabatan Imigresen Malaysia mengenai kepentingan menjaga kesejahteraan mental dan emosi. Program ini disampaikan oleh penceramah jemputan daripada Jabatan Peguam Negara iaitu Puan Dr.Nor Jum'awaton binti Shahruddin Selain pengisian ceramah, pelbagai aktivit lain turut disediakan di ruang pameran seperti terapi urutan, info-info kesedaran dan makanan kesihatan turut sama-sama terlibat.







PROGRAM KESEMBILAN :

KELANTAN, 8 NOVEMBER 2025 - Program ini telah disempurnakan pada 8 November 2025 (Sabtu) oleh Penyelaras AKRAB JIM Negeri Kelantan iaiatu Puan Norhaf Zaniza Binti dengan memberikan sedikit sumbangan serta kata-kata semangat kepada PIK Emeliana Binti Ya'acob yang mengidap fibroid.



PROGRAM "KAMI PRIHATIN" TEAM AKRAB JIM NEGERI KELANTAN

PROGRAM KESEPULUH :

KELANTAN, 22 NOVEMBER 2025 - Program ini telah disempurnakan pada 8 November 2025 (Sabtu) oleh Penyelaras AKRAB JIM Negeri Kelantan iaiatu Puan Norhaf Zaniza Binti dengan memberikan sedikit sumbangan serta kata-kata semangat kepada PIK Emeliana Binti Ya'acob yang mengidap fibroid.



PROGRAM GOTONG ROYONG / TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) AKRAB JIM NEGERI KELANTAN BERSAMA WARGA KEBERSIHAN DI PEJABAT PENGUATKUASA TELIPOT

PROGRAM KESEBELAS :

KELANTAN, 6 DISEMBER 2025 - Program gotong-royong telah diadakan pada 6 Disember 2025 (Sabtu) bermula jam 8.00 pagi. Untuk makluman, program tersebut adalah lanjutan dari program CSR sebelum ini dan telah mendapat sokongan dari pihak pengurusan tertinggi JIM Negeri Kelantan. Tujuan program ini diadakan selain untuk memperindahkan kawasan KINK juga untuk mewujudkan semangat kerjsama dalam kalangan ahli AKRAB dan juga warga kebersihan JIM Negeri Kelantan.







PROGRAM GOTONG ROYONG / TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR) AKRAB JIM NEGERI KELANTAN BERSAMA WARGA KEBERSIHAN DI KOMPLEKS IMIGRESEN NEGERI KELANTAN (KINK)

PROGRAM KEDUA BELAS :

KELANTAN, 13 DISEMBER 2025 - Program gotong-royong telah diadakan pada 13 Disember 2025 (Sabtu) bermula jam 8.00 pagi. Untuk makluman, pihak pengurusan tertinggi JIM Negeri Kelantan telah meluluskan permohonan dari Bahagian Khidmat Pengurusan (A) JIM Negeri Kelantan bagi mendapatkan sebuah bilik rehat untuk kegunaan pemandu jabatan. Ahli AKRAB yang terlibat ialah Puan Norhaf Zaniza Binti Yassin dan Puan Farha Binti Mohamad



PROGRAM GOTONG ROYONG / TANGGUNGJAWAB SOSIAL KORPORAT (CSR)
AKRAB JIM NEGERI KELANTAN BERSAMA PEMANDU JIM NEGERI KELANTAN

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN PROGRAM AKRAB JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA

1. Menyelaraskan kaedah penulisan buku log AKRAB di semua negeri oleh pihak Ibu Pejabat.
2. Melaksanakan Hari AKRAB Jabatan Imigresen Malaysia sekali dalam setahun.
3. Melaksanakan Hari Bertemu AKRAB (JIM Negeri)
4. Menyedikan / mewar-warkan senarai AKRAB Negeri
5. Mengadakan Perbincangan antara AKRAB secara berkala (4 Kali Setahun)
6. Melaksanakan Hari AKRAB Jabatan Imigresen Malaysia sekali dalam setahun

ULASAN (KESELURUHAN) PENYELARAS JABATAN

AKRAB Jabatan Imigresen Malaysia berperanan sebagai platform sokongan dalam menyokong pelaksanaan objektif Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan melalui pengoptimuman peranan ahli AKRAB sedia ada. Bagi memastikan keberkesanan peranan tersebut, latihan berterusan dirancang bagi memperkukuh kompetensi ahli agar lebih proaktif dan berkesan, di samping penglibatan dalam pencalonan anugerah sebagai penghargaan serta galakan kepada ahli yang aktif.

Selain itu, kewujudan AKRAB Jabatan Imigresen Malaysia telah memperkukuh semangat setiakawan dan kerjasama serta mewujudkan persekitaran kerja yang harmoni. AKRAB Jabatan Imigresen Malaysia juga sentiasa bersedia membantu dan membimbing warga Jabatan dalam mengenal pasti serta menyelesaikan isu yang dihadapi selaras dengan pelaksanaan tugas harian.